

28/10/2002

Akta baru kerahan tenaga perlu digubal

Sariha Mohd Ali; Ziauddin Sharuddin

BATU KIKIR, Ahad - Undang-undang perkhidmatan nasional yang baru perlu digubal jika kerahan tenaga hendak diperkenalkan di kalangan rakyat negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata undang-undang itu akan memberi kuasa dan mewujudkan sistem yang jelas mengenai kerahan tenaga.

Katanya, tanpa kewujudan undang-undang itu, pelaksanaan kerahan tenaga tidak boleh dilakukan kerana bertentangan dengan Perlembagaan.

"Fasal 8 Perlembagaan menyatakan semua rakyat sama dari segi taraf. Oleh itu peruntukan yang jelas (mengenai kerahan tenaga) perlu dibuat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan sambutan ulang tahun Yayasan Jempol Bakti (YJB) ke-10 di Asrama Anak-Anak Yatim YJB di sini, hari ini.

Cadangan memperkenalkan kerahan tenaga yang dikemukakan aktivis sosial, Tan Sri Lee Lam Thye dan Ahli Parlimen Gelang Patah, Chang See Ten, mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri dilaporkan berkata akan mengemukakan perkara itu kepada Kabinet untuk dibincangkan.

Dr Rais berkata, undang-undang kerahan tenaga sebenarnya bukan perkara baru di negara ini kerana sudah ada undang-undang itu sejak era penjajahan dan pada 1960, Ordinan Perkhidmatan Negara diperkenalkan.

Katanya, ordinan itu adalah terhad dan menjelang 1965, ordinan itu tidak digunakan lagi, tetapi boleh dijadikan panduan untuk penggubalan undang-undang baru mengenai kerahan tenaga.

Di PEKAN, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, berkata program kerahan tenaga yang dicadang dilaksanakan di negara ini akan dikaji kesesuaiannya secara teliti kerana pelaksanaan membabitkan latihan ketenteraan, turut membabitkan tambahan peruntukan yang besar.

Ini kerana kerahan tenaga dibuat secara menyeluruh tanpa sebarang pengecualian dan jika dilaksanakan di Malaysia, ia bakal membabitkan penyertaan antara 600,000 hingga 700,000 rakyat berusia 18 tahun, pada setiap tahun.

Najib berkata, idea mewujudkan kerahan tenaga memang baik dalam usaha memupuk semangat patriotisme dan ketahanan nasional selain pemupukan integrasi dan perpaduan di kalangan rakyat.

Bagaimanapun, beliau berkata, bentuk atau corak kerahan tenaga yang sesuai dan diperlukan di negara ini, wajar difikirkan dengan teliti dan setakat ini, masih terlalu awal untuknya membuat ulasan berhubung perkara itu.

"Hanya selepas perkara ini dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet, baru saya mengetahui apa yang dimaksudkan Dr Mahathir berhubung program kerahan tenaga itu.

"Jika dilaksanakan tanpa pengecualian seperti di negara lain, ia bakal membabitkan penyertaan antara 600,000 hingga 700,000 belia berusia 18 tahun, berdasarkan perangkaan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) iaitu terdapat 600,000 orang mencapai umur 21 tahun setiap tahun.

"Latihan kepada mereka, membabitkan perbelanjaan besar dan jika dibuat dalam tempoh dua tahun, kita perlu melatih kira-kira 1.2 juta orang yang dibekalkan dengan uniform dan ditempatkan dalam kem," katanya selepas melawat perkampungan Orang Asli Kampung Bakong, Paloh Hinai, dekat Pekan

hari ini.

Najib berkata, peruntukan tambahan yang disediakan untuk program kerahan tenaga itu mungkin lebih baik jika digunakan untuk membangunkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) termasuk menyediakan kelengkapan dan latihan manusia.